



# **SIARAN MEDIA**

## *MEDIA RELEASE*

---

### **KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2026: PENYENARAIAAN TEMPAT KEDIAMAN (*HOUSELISTING*)**

### *LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2026: HOUSELISTING*



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**

---

**KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2026:  
KERJA-KERJA PENYENARAIAAN TEMPAT KEDIAMAN (*HOUSELISTING*)  
AKAN DIKENDALIKAN BAGI PERSEDIAAN KTK 2026**

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) akan mengendalikan Penyenaraian Tempat Kediaman (*Houselisting*) bermula pada 3 Ogos hingga 23 Ogos 2026 bagi setiap isi rumah di kawasan yang ditetapkan.
2. Penyenaraian Tempat Kediaman (*Houselisting*) ini bertujuan untuk mengemaskinikan senarai tempat kediaman serta maklumat isi rumah di kawasan terpilih bagi kegunaan Kajian Tenaga Kerja (KTK) yang akan dijalankan pada 5 Oktober hingga 1 November 2026.
3. Majlis Mengangkat Sumpah bagi pelantikan 78 orang pegawai kajian KTK bagi tahun 2026 telah diadakan pada 1 Ogos 2026 dan disaksikan oleh Yang Mulia Awang Bahrum bin Haji Kadun, Pemangku Pengarah, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).
4. Dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Pengarah, Jabatan Perangkaan, JPES memaklumkan bahawa pelaksanaan KTK ini adalah selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Pegawai-pegawai kajian yang dilantik adalah diamanahkan sebagai barisan hadapan untuk mengunjungi tempat-tempat kediaman yang ditetapkan dan berperanan untuk mengumpulkan dan mendapatkan data dan maklumat secara terperinci bagi memantau dan menganalisa perancangan dan pembangunan negara.

5. Hasil kajian ini akan digunakan oleh pihak kerajaan dalam merangka dasar-dasar ekonomi dan sosial dengan lebih komprehensif dan berkesan. Di antara maklumat yang diperolehi adalah termasuk nama dan nombor telefon ketua keluarga/isi rumah, jumlah ahli isi rumah, dan alamat tempat kediaman yang terpilih. Setelah selesai memperolehi maklumat yang diperlukan, pegawai-pegawai akan memasang pelekat penanda bagi setiap tempat kediaman.
6. Bagi memastikan proses berjalan dengan lancar, isi rumah yang terpilih adalah diingatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan identiti pegawai kajian dengan membuat pemeriksaan pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES. Isi rumah yang mempunyai haiwan peliharaan, terutamanya anjing adalah disarankan untuk menempatkan haiwan peliharaan di tempat yang bersesuaian bagi tujuan keselamatan pegawai kajian semasa melaksanakan lawatan.
7. KTK 2026 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Jabatan ini ingin memberikan jaminan kepada semua isi rumah terpilih yang diliputi dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja. Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.00 (Empat Ribu Dolar Brunei).
8. Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga/isi rumah terpilih semasa Penyenaraian Tempat Kediaman (*Houselisting*) adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.
9. Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2026 bolehlah dirujuk seperti berikut:  
Telefon dan WhatsApp : 7469844  
(Isnin hingga Khamis dan Sabtu: 7.45 pagi – 4:30 petang)  
E-mel : [labourforce.survey@jpes.gov.bn](mailto:labourforce.survey@jpes.gov.bn)  
Laman sesawang : [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING DAN STATISTICS**

---

**LABOUR FORCE SURVEY 2026:  
HOUSELISTING WORK ONGOING IN PREPARATION FOR LFS 2026**

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning dan Statistics (DEPS), will be conducting Houselisting from 3 August to 23 August 2026 for each household within a designated area.*
2. *The purpose of Houselisting is to update the list of living quarters and household information in selected areas for purpose of the Labour Force Survey (LFS), which will take place from 5 October to 1 November 2026.*
3. *An Oath-Taking Ceremony for 78 survey officers of LFS 2026 was held on the 1 August 2026 and was witnessed by Awang Bahrum bin Haji Kadun, Acting Director, Department of Statistics, Department of Economic Planning dan Statistics (DEPS).*
4. *In his opening speech, the Acting Director, Department of Statistics, DEPS informed that the LFS implementation is in line with international standards and best practices. The survey officers are entrusted as frontliner to visit the designated housing unit and their role is to collect detailed data and information that is used to monitor and analyse national planning and development.*
5. *The results of the survey will be used by the government to formulate effective and comprehensive economic and social policies. Among the information needed are the name and telephone number of the head of households, the total number of household members, and the address of the selected households. After obtaining the necessary information, the survey officers will also affix a sticker to each housing unit.*

6. *In facilitating a safe and efficient survey process, at first the selected households are reminded to verify the identity of survey officers by checking their survey passes, appointment letters, identity cards, and JPES official vests. Additionally, households with pets, particularly dogs, are requested to ensure that their pets are restrained for the safety of the survey officers during their visit.*
7. *LFS 2026 is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. This department would like to assure all selected participating households that the information collected during the survey will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only. In pursuant to Section 9 of the Statistics Act, the failure or reluctance to give the required information or furnish false particulars is an offence which carries a penalty of a fine of BND4,000.00 (Four Thousand Brunei Dollars).*
8. *Hence, the support and cooperation from all selected households during Houselisting are essential for the success of the survey.*
9. *For any enquiries regarding LFS 2026, please refer to the following:*  
*Telephone and WhatsApp : 7469844*  
*(Monday to Thursday and Saturday: 7.45 am – 4:30 pm)*  
*Email : labourforce.survey@jpes.gov.bn*  
*Website : www.deps.gov.bn*